

Headline	Daerah Lipis jadi hab tanaman rock melon		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Timur)		
Date	01 Jan 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	6,500
Page No	46	Readership	19,500
Language	Malay	ArticleSize	420 cm ²
Journalist	ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN	AdValue	RM 3,611
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,833



WAN ROSDY WAN ISMAIL (duduk, kanan) bersama Mohd. Soffi Abd. Razak (duduk, kiri) memetik buah rock melon sambil diperhatikan Nazipah Jamaluddin (berdiri, tengah) sempena Hari Bertemu Pelanggan Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi negeri di Kuala Medang, Lipis, Pahang, semalam.

Daerah Lipis jadi hab tanaman rock melon

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN**
 pengarang@utusan.com.my

■ **LIPIS 31 DIS.**

DAERAH ini bakal menjadi hab tanaman tembikai wangi atau rock melon di negeri ini dalam usaha menampung permintaan yang tinggi terhadap buah berkenaan dari dalam dan luar negara.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, berdasarkan kesesuaian tanah serta cuaca menyebabkan daerah ini amat berpotensi menjadi pengeluar rock melon negara.

"Pada masa ini penanaman rock melon yang dibuat di Kuala Medang di sini berjaya menghasilkan buah berkualiti dan manis yang mendapat permintaan tinggi.

"Jadi kita akan memperluas lagi penanaman ini di daerah ini yang mana dalam masa terdekat kita memperluaskan ke Tanjung Besar di Benta dekat

"Berdasarkan kesesuaian tanah serta cuaca menyebabkan daerah ini amat berpotensi menjadi pengeluar rock melon negara."

— **WAN ROSDY WAN ISMAIL**

sini," katanya sempena Hari Bertemu Pelanggan Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi negeri di ladang rock melon Kuala Medang di sini hari ini.

Yang hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi negeri, Datuk Seri Ir. Mohd. Soffi Abd. Razak dan Timbalan Ketua Pengarah Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Nazipah Jamaluddin.

Pada majlis itu, Wan Ros-

dy turut menyaksikan majlis memeterai memorandum persefahaman (MoU) antara peserta ladang kontrak dengan FAMA bagi memasarkan buah berkenaan.

Wan Rosdy berkata, pada masa ini terdapat kira-kira 8.5 hektar kawasan penanaman rock melon telah diusahakan penduduk di daerah ini.

Katanya, selain dipasarkan di dalam negara, buah berkualiti berkenaan juga turut bakal dipasarkan ke luar negara seperti Taiwan.

Sementara itu, beliau berkata, bagi membantu peserta Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Jelai, kerajaan negeri meluluskan peruntukan sebanyak RM500,000 yang akan disalurkan kepada Jabatan Pertanian.

"Peruntukan ini boleh digunakan bagi membantu peserta yang berhadapan dengan pelbagai masalah seperti serangan gajah, pembinaan parit dan sebagainya," katanya.